BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU

# PELAN STRATEGIK CGSO 2020 – 2022



2020



2022

# Kandungan

## Pelan Strategik CGSO 2020-2022


| | |
|---|---|
| PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA | 3 |
| RINGKASAN EKSEKUTIF | 4 |
| LATAR BELAKANG | 6 |
| CARTA ORGANISASI | 8 |
| FUNGSI | 9 |
| PUNCA KUASA | 10 |
| PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN | 11 |
| SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN | 13 |
| ISU DAN CABARAN | 14 |
| KERANGKA STRATEGIK CGSO 2020-2022 | 16 |
| TERAS 1 : PEMATUHAN MELALUI PENGUATKUASAAN | 18 |
| TERAS 2 : PEMBUDAYAAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN | 24 |
| TERAS 3 :PEMERKASAAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DALAM PERSEKITARAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) | 30 |
| TERAS 4 : PENINGKATAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN | 34 |
| ELEMEN PENENTU KEJAYAAN | 41 |
| MEKANISME PELAKSANAAN | 42 |
| SELANGKAH KE HADAPAN | 43 |
| PENUTUP | 44 |




**DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI**
**KETUA SETIAUSAHA NEGARA**






**DATO' MOHD SALLEHHUDDIN BIN HASSAN**
**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**DATO' SOLLEHUDDIN ALYUBI BIN ZAKARIA**
**KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN**

# PERUTUSAN
## KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita masih dapat bertemu pada tahun 2020 yang telah menyinsing menyambut kita. Saya ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada CGSO di atas usaha bagi melaksanakan Pelan Strategik CGSO 2020-2022.

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi negara kita Malaysia dalam menghadapi dekad baru dalam perkhidmatan awam. Dalam menempuh cabaran semasa yang semakin mencabar, CGSO perlu sentiasa menambahbaik, meningkatkan produktiviti dan tidak boleh leka dengan pencapaian semasa.

Revolusi Industri 4.0 akan menyaksikan pertumbuhan secara meluas penggunaan *Artificial Intelligence, machine-learning, robotics, genetics,* teknologi nano dan bioteknologi. *The New Normal* membawa implikasi kepada aspek pentadbiran negara, geo-politik dan sistem ekonomi yang memerlukan pendekatan baru dalam cara kita berfikir, mentadbir dan melakukan kerja. Perkhidmatan awam juga perlu berevolusi dan mengadaptasi dengan cepat kepada perubahan ini untuk kekal relevan.

"Sebagai peneraju sektor Keselamatan Perlindungan, CGSO terus memberi khidmat nasihat terhadap semua perkara berkenaan Keselamatan Perlindungan di Kementerian dan Jabatan Kerajaan. Pelan Strategik CGSO 2020-2022 merupakan pelan pelaksanaan aktiviti Keselamatan Perlindungan selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030."

Pelan ini mengutarakan beberapa cabaran utama serta menggariskan usaha-usaha yang dirancang untuk menangani cabaran ini. Fokusnya adalah untuk membentuk strategi yang paling sesuai, efektif dan berkesan dengan menggunakan sumber secara efisien bagi mempertingkatkan kualiti Keselamatan Perlindungan di Malaysia.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan Pelan Strategik CGSO 2020-2022. Besar harapan saya agar CGSO dapat memberikan tumpuan untuk melaksanakan strategi yang telah dirancang dan berusaha gigih untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Selamat maju jaya.

**DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI**

# RINGKASAN
## EKSEKUTIF

Pelan Strategik CGSO 2020-2022 dirangka dengan mengambil kira elemen Rancangan Malaysia ke 11 (RMK11), Rancangan Malaysia ke 12 (RMK12), Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan dasar-dasar semasa kerajaan. Dalam konteks ini, pelan tindakan yang digariskan di dalam Pelan Strategik CGSO 2020-2022 telah dijajarkan seiring dengan agenda nasional berdasarkan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dalam semua aspek iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, keselamatan, psikologi dan budaya berteraskan prinsip “Bangsa Malaysia” yang progresif dan bersatu.

Sehubungan dengan itu, pelan strategik ini merupakan satu pelan yang melakar perjalanan pembangunan masa hadapan CGSO untuk menjadi peneraju Keselamatan Perlindungan dan Sasaran Penting bagi menjamin keselamatan aset dan kepentingan negara.

### VISI
Peneraju Keselamatan Perlindungan dan Sasaran Penting bagi menjamin keselamatan aset dan kepentingan negara

### MISI
Memperkasakan pengurusan Keselamatan Perlindungan dan Sasaran Penting secara holistik, bersepadu dan berimpak tinggi

### MOTO
Lindungi Aset Negara

### SLOGAN
Rahsiakan Rahsia Kerajaan

## Empat (4) Teras Utama Pelan Strategik CGSO 2020-2022:



**TERAS 1**
Pematuhan Melalui Penguatkuasaan



**TERAS 2**
Pembudayaan Keselamatan Perlindungan



**TERAS-TERAS UTAMA**



**TERAS 4**
Peningkatan Penyampaian Perkhidmatan



**TERAS 3**
Pemerkasaan Keselamatan Perlindungan dalam Persekitaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

CGSO telah mengenal pasti empat (4) teras, sepuluh (10) strategi dan lima puluh lima (55) program bagi memastikan visi dan misi dapat direalisasikan.

# LATAR
## BELAKANG



**Pegawai Keselamatan Kerajaan telah dilantik untuk bertanggungjawab kepada Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri melalui terma rujukan Pegawai Keselamatan Kerajaan bertarikh 15 Jun 1957 dan *"Confidential General Circular No. 1, of 1958, Government Security Officer, Federation of Malaya".***

Tugas utama jawatan ini ialah memberi khidmat nasihat keselamatan perlindungan kepada Kerajaan Persekutuan, Negeri, Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan dengan tujuan untuk membantu mengekalkan tahap keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan keselamatan personel di semua Agensi Kerajaan dari semasa ke semasa bagi melindungi daripada ancaman espionaj dan sabotaj serta kebocoran maklumat kerajaan.

Pejabat ini telah berpindah ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri apabila kementerian tersebut ditubuhkan pada tahun 1960. Pejabat ini telah sekali lagi berpindah semula ke Jabatan Perdana Menteri mulai pada 1 Januari 1977 hinggalah sekarang untuk melaksanakan semula tugas dan tanggungjawab berkaitan keselamatan perlindungan seperti mana ditetapkan.

Pada 13 Oktober 1993, Pejabat ini telah diberi tanggungjawab sebagai Urus Setia Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting melalui Arahan Tetap Sasaran Penting yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri bagi menangani sebarang ancaman keselamatan dan menentukan sebarang keputusan berkaitan pembangunan infrastruktur dan bangunan berhampiran dengan instalasi Sasaran Penting dan Kawasan Larangan dan Tempat Larangan. Arahan Tetap Sasaran Penting merupakan satu arahan yang digunakan bagi menggantikan *"State Key Point/Counter Sabotage Committee Standing Policy Directive"* yang diguna sebagai rujukan sejak tahun 1962.



Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2009 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan telah dilantik dan diberi kepercayaan selaku Ketua Perkhidmatan bagi Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam (KP) di peringkat persekutuan secara tidak langsung telah memberi pengiktirafan terhadap sumbangan dan peranan Pejabat CGSO dalam perkhidmatan awam.

# CARTA ORGANISASI

- **KETUA SETIAUSAHA NEGARA**
  - **TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN JABATAN PERDANA MENTERI**
    - **KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN**
      - BAHAGIAN PENYELARASAN (BP)
      - UNIT INTEGRITI (UI)
      - TIMBALAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN (DASAR)
        - BAHAGIAN KESELAMATAN ICT DAN RAHSIA RASMI (BKICTRR)
        - BAHAGIAN KESELAMATAN PERSONEL (BKPs)
        - BAHAGIAN KESELAMATAN FIZIKAL DAN PENILAIAN TEKNIKAL (BKFPT)
        - BAHAGIAN KOMPLEKS KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (BKKPP)
      - TIMBALAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN (OPERASI)
        - BAHAGIAN INSPEKTORAT PEMATUHAN DAN PENGIKTIRAFAN (BIPP)
        - BAHAGIAN SASARAN PENTING DAN KLTL (BSPKLTL)
        - PUSAT LATIHAN KES. PERLINDUNGAN MALAYSIA (PLKPM)
      - BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)
        - SEKSYEN KEWANGAN
        - SEKSYEN PENTADBIRAN
        - SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
        - SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN NEGERI PAHANG
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN NEGERI PERAK
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN NEGERI KEDAH
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN NEGERI JOHOR
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN NEGERI SABAH
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN W.P. KUALA LUMPUR
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN NEGERI PERLIS
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN NEGERI MELAKA
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN W.P. LABUAN
      - PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN NEGERI P. PINANG

# FUNGSI CGSO

| | |
|---|---|
| 1 | Penggubal dasar berkaitan pengurusan Keselamatan Perlindungan |
| 2 | Menangani sebarang ancaman sabotaj yang boleh menjejaskan fungsi kerajaan dan kepentingan negara |
| 3 | Memberi kesedaran dan memupuk budaya Keselamatan Perlindungan |
| 4 | Menguatkuasa dan memastikan pematuhan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) |
| 5 | Memastikan pematuhan Keselamatan Perlindungan ICT selaras dengan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) dan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa |
| 6 | Pengurusan dasar keselamatan peribadi pegawai awam dan pihak swasta berkaitan |
| 7 | Melindungi aset dan Sasaran Penting negara |

# PUNCA
## KUASA

| | |
|---|---|
| 1 | Akta Rahsia Rasmi 1972 |
| 2 | Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) |
| 3 | Arahan Tetap Sasaran Penting |
| 4 | Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 |
| 5 | Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010-Penetapan Ketua Perkhidmatan Bagi Skim Perkhidmatan Yang Sedang Berkuat Kuasa Dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan |
| 6 | Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011- Pindaan Pelaksanaan Tapisan Keselamatan bagi Pegawai Yang Dilantik dalam Perkhidmatan Awam |
| 7 | Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bilangan 1 Tahun 2011 – Kaedah Pelaksaanaan Tapisan Keselamatan bagi Pegawai Perkhidmatan Pelajaran |
| 8 | Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 1982 (Permohonan Ruang Pejabat sama ada dalam bangunan gunasama ataupun di Sewa Bangunan Swasta) |
| 9 | Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1987 (Peraturan Pengurusan Rahsia Rasmi Selaras Dengan Peruntukan-Peruntukan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan 1986) |
| 10 | Surat Pekeliling Am Sulit Bilangan 1 Tahun 1993 (Meningkat Kualiti Kawalan Keselamatan Perlindungan di Jabatan-Jabatan Kerajaan) |
| 11 | Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007 (Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospatial Terperingkat) |
| 12 | Pekeliling Keselamatan/Arahan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Yang Dikeluarkan dari semasa ke semasa |
| 13 | Dasar dan Peraturan Pas Keselamatan, Kad Pengenalan Jabatan dan Kad Kuasa Serta Arahan Tetap Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Mencetak Pas-Pas Keselamatan dan Kad-Kad Pengenalan Kementerian dan Jabatan |
| 14 | Teras 6 Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) – Melindungi Aset dan Sasaran Penting Negara |
| 15 | Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSSA) |

# PEMEGANG TARUH



# PELANGGAN




1. Kementerian/ Jabatan/ Agensi /Badan Berkanun Persekutuan
2. Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun Negeri
3. Penghuni Sasaran Penting di Sektor Awam dan Swasta berkaitan
4. Pemilik/ Penghuni Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di Sektor Awam dan Swasta berkaitan
5. Penjawat Awam
6. Pelabur Industri berkaitan Komuniti Keselamatan
7. Rakyat Malaysia



# ISU
## DAN CABARAN

**CGSO sentiasa peka terhadap kewujudan cabaran-cabaran semasa yang boleh mendatangkan kesan kepada keupayaan Pejabat ini dalam mencapai sasaran pelan strategik yang dirancang. Isu-isu semasa yang mencakupi perubahan dasar pembangunan dan wawasan negara, perubahan landskap ancaman keselamatan di peringkat global, urusan kerajaan yang berpaksikan kepada teknologi maklumat dan komunikasi memberi cabaran yang lebih kompleks kepada kesinambungan dan penyampaian perkhidmatan CGSO. Antara cabaran utama yang dihadapi adalah seperti berikut:**

### Transformasi Dasar Pembangunan dan Wawasan Negara

Pelan Strategik CGSO dirangka dengan mengambil kira elemen Rancangan Malaysia ke 11 (RMK11), Rancangan Malaysia ke 12 (RMK12), Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) dan dasar-dasar semasa kerajaan. Dalam konteks ini, pelan tindakan CGSO yang digariskan di dalam Pelan Strategik 2020 – 2022 telah dijajarkan seiring dengan agenda nasional berdasarkan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dalam semua aspek iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, keselamatan, psikologi dan budaya berteraskan prinsip “Bangsa Malaysia” yang progresif dan bersatu. Sehubungan dengan itu, pelan strategik ini merupakan satu pelan yang melakar perjalanan pembangunan masa hadapan CGSO untuk menjadi peneraju keselamatan perlindungan dan sasaran penting bagi menjamin keselamatan aset dan kepentingan negara.

### Globalisasi

Pelbagai idea dan pola dunia tanpa sempadan telah memberi kesan kepada suasana politik, ekonomi, sosial dan keselamatan. Bidang keselamatan perlindungan dunia kini dipengaruhi oleh elemen-elemen penggerak utama seperti penggunaan ICT yang meluas dan disokong oleh infrastruktur yang mantap, aliran modal yang besar serta modal insan yang cekap dan berpengetahuan. Proses globalisasi juga telah memberi cabaran baru kepada pengamal keselamatan akibat pertukaran dan perpindahan maklumat yang boleh berlaku dengan terlalu pantas lantas menimbulkan landskap baru risiko dan ancaman keselamatan.

Tuntutan globalisasi memerlukan CGSO memperolehi sumber kewangan dan logistik yang mencukupi bagi pengurusan dan pembangunan modal insan, perolehan aset dan harta modal berteknologi tinggi dan terkini selaras dengan peranan jabatan sebagai rujukan utama Keselamatan Perlindungan. Pelan strategik ini menjadi platform penting dalam usaha melaksanakan anjakan dasar Keselamatan Perlindungan dan merangka pendekatan baru bagi menangani pelbagai cabaran dalam era globalisasi.

Program pembangunan Keselamatan Pelindungan tidak lagi boleh dilaksanakan sebagaimana kelaziman *(business as usual)* sekiranya CGSO ingin mencapai status peneraju Keselamatan Perlindungan dan Sasaran Penting bagi menjamin keselamatan negara.



# ISU
## DAN CABARAN

### Penguasaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Penggunaan teknologi bukan sahaja menghasilkan cara dan kaedah baharu penyampaian perkhidmatan tetapi juga memudahkan operasi sesebuah organisasi. Kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyediakan ruang kepelbagaian fungsi yang inovatif dan interaktif, dan turut menuntut kemampuan dan kemahiran pengguna untuk mengaplikasikannya di dalam sistem penyampaian perkhidmatan.

Perkembangan teknologi memerlukan warga kerja berpengetahuan tinggi. Pada masa yang sama khidmat nasihat yang diberikan juga perlu relevan dengan perkembangan teknologi semasa. CGSO perlu selangkah ke hadapan dalam mengenalpasti dan menganalisa perubahan budaya perkhidmatan awam dan kemunculan ancaman-ancaman keselamatan baharu yang berteraskan teknologi.

### Transformasi Pemikiran, Minda dan Sikap

Cabaran utama Pegawai Keselamatan Kerajaan adalah kesediaan untuk berubah dan menjadikan profesion ini sentiasa ke hadapan dan relevan dengan keperluan semasa. Keperluan pegawai mempunyai minda yang terbuka dan bersedia menerima perubahan serta merevolusikan pembaharuan amat penting untuk membawa lonjakan paradigma ke arah mentransformasikan pejabat ini ke tahap kegemilangan dan keunggulan sejajar dengan pelantikan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (KPKK) sebagai Ketua Perkhidmatan bagi Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam.

### Budaya Pembelajaran Berterusan

CGSO sentiasa menggalakkan para pegawai di semua peringkat untuk menimba ilmu pengetahuan dan meneroka bidang baru dalam usaha meningkatkan profesionalisme dan potensi diri.

Penguasaan ilmu pengetahuan yang tinggi di kalangan pegawai memberi kesan secara langsung kepada imej jabatan dan memastikan pejabat ini sentiasa relevan.

Seiring dengan matlamat ini, Pelan Strategik CGSO 2020-2022 turut memberi penekanan kepada bidang baru yang ingin diterokai dan pada masa yang sama mewujudkan ruang dan peluang kepada para pegawai untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi serta memperolehi pensijilan profesional dalam pelbagai bidang berteraskan teknologi.

# KERANGKA
## STRATEGIK CGSO

### VISI

Peneraju Keselamatan Perlindungan dan Sasaran Penting bagi menjamin keselamatan aset dan kepentingan negara

### MISI

Memperkasakan pengurusan Keselamatan Perlindungan dan Sasaran Penting secara holistik, bersepadu dan berimpak tinggi

### TERAS

| 01 | 02 | 03 | 04 |
|---|---|---|---|
| Pematuhan Melalui Penguatkuasaan | Pembudayaan Keselamatan Perlindungan | Pemerkasaan Keselamatan Perlindungan dalam Persekitaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) | Peningkatan Penyampaian Perkhidmatan |

| | |
|---|---|
| **MOTO** | Lindungi Aset Negara |
| **SLOGAN** | Rahsiakan Rahsia Kerajaan |

# NILAI TERAS SEPUNYA

Dalam merealisasikan visi dan misi CGSO, semua pegawai dan kakitangan perlu menghayati dan mengamalkan 6 nilai teras sepunya seperti berikut:

**R**

## Responsif

Sentiasa peka dan prihatin kepada kehendak pemegang taruh, keperluan pelanggan dan isu-isu semasa serta bertindak pantas mencari penyelesaian terbaik.

**A**

## Autoriti

Melaksana dan menguatkuasakan segala akta, peraturan dan pekeliling bagi memastikan Keselamatan Perlindungan dan Sasaran Penting berada pada tahap optima.

**H**

## Harmoni

Menggembeleng tenaga, pengetahuan dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi.

**S**

## Strategik

Bertindak secara terancang dalam merangka, menggubal dan melaksanakan program-program bagi mencapai *outcome* yang optimum, tepat dan berkesan.

**I**

## Integriti

Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, jujur, ikhlas dan boleh dipercayai. Sentiasa memastikan kerahsiaan maklumat organisasi dilindungi dari sebarang risiko kebocoran.

**A**

## Amalan Terbaik

Bertindak secara profesional dalam melaksanakan tugas dengan komitmen yang tinggi, bertanggungjawab, gigih, bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing dan proaktif serta bertindak berdasarkan amalan tadbir urus terbaik.



# TERAS STRATEGIK 1

## PEMATUHAN MELALUI PENGUATKUASAAN

Agenda transformasi keselamatan perlindungan sentiasa dikemaskini oleh CGSO untuk memastikan pematuhan dan penguatkuasaan akta dan peraturan yang telah ditetapkan.

Program-program ini diperkasakan melalui tadbir urus terbaik dan holistik bagi mencapai piawaian bertaraf global serta sistem penarafan bintang agar lebih berdaya saing.

STRATEGI

# 01

## Memperkukuhkan undang-undang sedia ada dan menggubal dasar baharu

12 Program

Akta
Rahsia Rasmi 1972

Dasar Perlindungan Ketirisan
Maklumat (DLP) Sektor Awam

Pengurusan Sasaran Penting (SP) dan
Kawasan Larangan dan Tempat Larangan
(KLTL)

Pengurusan Tapisan
Keselamatan Dan Tapisan
Keselamatan Semula

Pengurusan Rahsia Rasmi
Dalam Persekitaran ICT

Pelan Kesinambungan
Perkhidmatan

Peralatan/Kelengkapan
Keselamatan

Pengurusan Keselamatan
Kompleks C,D dan E

Inspektorat Keselamatan
Perlindungan

Pembudayaan
Kriptografi

Rangka Kerja Keselamatan
Siber Sektor Awam

*Digital Document Management
System* Rahsia Rasmi

STRATEGI

# 02

## Memantapkan pematuhan keselamatan perlindungan di sektor awam dan swasta yang berkaitan



8 Program



Pemerkasaan Keselamatan
Sasaran Penting



Pemerkasaan Keselamatan
Kawasan Larangan dan
Tempat Larangan



Jawatankuasa Keselamatan
Jabatan-Jabatan
Kerajaan (JKJK)



Jawatankuasa Kecil Perlindungan Infrastruktur
Utama Negara dan *Soft Target*



Pelaksanaan
Tapisan Keselamatan



Pelaksanaan Tapisan
Keselamatan Semula



Inspektorat Pematuhan
Keselamatan Perlindungan



Prestasi Kawalan
Keselamatan Swasta

## STRATEGI 01

## Memperkukuhkan undang-undang sedia ada dan menggubal dasar baharu

| Bil. | Program | Indikator Sasaran (KPI) | Sasaran 2020 | Sasaran 2021 | Sasaran 2022 | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Kajian semula Akta Rahsia Rasmi 1972 | Peratus pelaksanaan | 30% | 70% | - | BKICTRR |
| | | Pemberian kuasa GSO di bawah Seksyen 29, Akta 88 | 100% | - | - | |
| | | Peratus penggubalan Peraturan 30A, Akta 88 | - | 50% | 50% | |
| 2. | Penggubalan Dasar Perlindungan Ketirisan Maklumat (DLP) Sektor Awam | Peratus pelaksanaan | 100% | - | - | BKICTRR |
| 3. | Penggubalan dasar baharu dan pindaan pengurusan Sasaran Penting dan Kawasan Larangan dan Tempat Larangan | Peratus penggubalan Pekeliling Keselamatan Penggunaan Dron di SP dan KLTL | 50% | 50% | - | BSPKLTL |
| | | Peratus pindaan Arahan Tetap Sasaran Penting (ATSP) 1993 | 20% | 40% | 40% | |
| | | Peratus penyediaan Surat Pekeliling Am Penilaian Kendiri *(self auditing)* | 50% | 50% | - | |
| 4. | Pemerkasaan/penggubalan pekeliling/garis panduan Pengurusan Tapisan Keselamatan dan Tapisan Keselamatan Semula | Bilangan penggubalan pekeliling Tapisan Keselamatan di SP, sektor awam dan swasta berkaitan serta Jawatankuasa Penama Berekod | 2 | 1 | - | BKPs |
| | | Bilangan kajian semula garis panduan sedia ada | 1 | 1 | - | |
| 5. | Penyediaan pekeliling / garis panduan pengurusan rahsia rasmi meliputi persekitaran ICT | Bilangan pekeliling berkenaan Sanitasi Maklumat Elektronik, Penggunaan *Cloud Computing, Mobile Computing,* Semakan *Source Code* Sistem Rahsia Rasmi, E-mel Rahsia Rasmi, Makmal Forensik dan lain-lain | 2 | 4 | 3 | BKICTRR |
| 6. | Penyediaan garis panduan/ SOP Pelan Kesinambungan Perkhidmatan | Peratus pelaksanaan | 20% | 80% | - | BKICTRR |
| 7. | Penyediaan garis panduan/ SOP semasa bagi peralatan/ kelengkapan keselamatan | Bilangan garis panduan/SOP | 8 | 8 | 8 | BKFPT |
| 8. | Penambahbaikan garis panduan/ SOP untuk Kompleks C, D & E | Bilangan garis panduan/SOP | 2 | 2 | 2 | BKPKPP |
| 9. | Penyediaan/penambahbaikan pekeliling dan garis panduan inspektorat keselamatan perlindungan | Pindaan Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1993 | 1 | - | - | BIPP |
| | | Peratus penyediaan Surat Pekeliling Am Penilaian Kendiri *(self auditing)* | 50% | 50% | - | |
| 10. | Pelan Tindakan Pembudayaan Penggunaan Kriptografi | Peratus pelaksanaan | 30% | 70% | - | BKICTRR |
| 11. | Garis panduan Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSSA) | Bilangan garis panduan | - | 2 | 2 | BKICTRR |
| 12. | Garis Panduan *Digital Document Management System* Rahsia Rasmi | Bilangan garis panduan | 1 | - | - | BKICTRR |

## STRATEGI 02

## Memantapkan pematuhan keselamatan perlindungan di sektor awam dan swasta yang berkaitan

| Bil. | Program | Indikator Sasaran (KPI) | Sasaran | | | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2020 | 2021 | 2022 | |
| 1. | Pemerkasaan Keselamatan Sasaran Penting | Bilangan pemeriksaan Tim Naziran Sasaran Penting selaras dengan Teras 6 DKKA | 300 | 300 | 300 | BSPKLTL |
| | | Bilangan Mesyuarat JPSP | 3 | 3 | 3 | |
| | | Bilangan Mesyuarat JSPN | 30 | 30 | 30 | |
| 2. | Pemeriksaan Keselamatan Kawasan Larangan dan Tempat Larangan | Bilangan Pemeriksaan | 450 | 450 | 450 | BSPKLTL |
| 3. | Pengaktifan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JKJK) | Bilangan mesyuarat | 2 | 2 | 2 | BIPP |
| 4. | Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perlindungan Infrastruktur Utama Negara dan *Soft Target* | Bilangan mesyuarat | 2 | 2 | 2 | BSPKLTL |
| 5. | Pelaksanaan Tapisan Keselamatan | Bilangan keputusan | 130,000 | 130,000 | 130,000 | BKPs |
| 6. | Pelaksanaan Tapisan Keselamatan Semula *(re-vetting)* | Bilangan keputusan | 6,000 | 8,000 | 11,000 | BKPs |
| 7. | Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan | Bilangan inspektorat | 1,300 | 1,300 | 1,300 | BIPP |
| 8. | Penilaian prestasi kawalan keselamatan swasta di agensi kerajaan | Bilangan penilaian | 100 | 100 | 100 | BKFPT |




CRUDE OIL

# TERAS STRATEGIK 2

## PEMBUDAYAAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Pemantapan kepakaran dalam bidang keselamatan perlindungan berlandaskan budaya inovasi dan kreativiti dijana melalui kolaborasi strategik dan perkongsian ilmu bersama pelbagai pihak sama ada sektor awam, swasta, badan bukan kerajaan, IPTA, IPTS dan komuniti keselamatan di dalam dan luar negara.

Fokus diberikan kepada bidang utama yang memberi impak kepada tranformasi bidang Keselamatan Perlindungan yang mempunyai elemen inovasi dengan menumpukan kepada idea-idea baru yang kreatif dan kos efektif.

Usaha mempromosikan perkhidmatan Keselamatan Perlindungan bagi meningkatkan keyakinan pelanggan dan pemegang taruh akan dipergiatkan. Rangkaian dan kerjasama strategik di kalangan agensi kerajaan, pemilik dan penghuni sasaran penting dan pelbagai entiti komuniti keselamatan yang bersesuaian akan digunakan untuk mempromosikan perkhidmatan Keselamatan Perlindungan.

## STRATEGI 01

### Melaksanakan penilaian dan pengiktirafan

2 Program



Inspektorat dan Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan



Penarafan Bintang Sasaran Penting

## STRATEGI 02

### Menerapkan budaya keselamatan perlindungan di sektor awam dan swasta yang berkaitan

5 Program



Kursus Keselamatan Perlindungan



Kursus Anjuran Bersama



Perkongsian Maklumat



Konvensyen Keselamatan Perlindungan



Seminar Pengurusan Sasaran Penting

STRATEGI

# 03 Mengukuhkan komuniti keselamatan

2 Program

*Study Tour/ Benchmark*

Kerjasama Strategik



# STRATEGI 01

## Melaksanakan penilaian dan pengiktirafan

| Bil. | Program | Indikator Sasaran (KPI) | Sasaran | | | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2020 | 2021 | 2022 | |
| 1. | Inspektorat dan Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan | Peratus pelaksanaan Inspektorat | - | 100% | - | BIPP |
| | | Majlis Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan | 1 | - | 1 | |
| | | Peratus pelaksanaan Inspektorat Susulan | 100% | - | 100% | |
| 2. | Penarafan Bintang Sasaran Penting | Peratus pelaksanaan | - | 100% | - | BSPKLTL |



## STRATEGI 02

## Menerapkan budaya keselamatan perlindungan di sektor awam dan swasta yang berkaitan

| Bil. | Program | Indikator Sasaran (KPI) | Sasaran | | | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2020 | 2021 | 2022 | |
| 1. | Kursus Keselamatan Perlindungan kepada penjawat awam dan swasta berkaitan | Bilangan kursus | 60 | 60 | 60 | PLKPM |
| | | Bilangan peserta | 2100 | 2100 | 2100 | |
| 2. | Kursus anjuran bersama Agensi Kerajaan dan swasta berkaitan | Bilangan kursus | 100 | 100 | 100 | PLKPM |
| | | Bilangan peserta | 4000 | 4000 | 4000 | |
| 3. | Bimbingan dan perkongsian maklumat Keselamatan Perlindungan di seluruh negara | Bilangan kumpulan sasar yang menerima manfaat | 25,000 | 25,000 | 25,000 | BP |
| 4. | Konvensyen Keselamatan Perlindungan mengikut zon | Bilangan konvensyen | 2 | 4 | 4 | BIPP |
| 5. | Seminar Pengurusan Sasaran Penting mengikut zon | Bilangan seminar | 2 | 4 | 4 | BSPKLTL |

## STRATEGI 03

## Mengukuhkan komuniti keselamatan

| Bil. | Program | Indikator Sasaran (KPI) | Sasaran | | | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2020 | 2021 | 2022 | |
| 1. | *Study Tour/Benchmark* di peringkat dalam dan luar negara | Bilangan *study tour/benchmark* | 1 | 1 | 1 | BKICTRR |
| 2. | Kerjasama strategik dengan PDRM, SKMM, CSM, MAMPU, NACSA, JBPM, PIKM, FRIM, JKR, CAAM, JUPEM, MYSA, BGSP dan AELB | Bilangan program | 5 | 5 | 5 | BKICTRR<br>BSPKLTL<br>PLKPM<br>BKFPT<br>BKPs |



# TERAS STRATEGIK 3

## PEMERKASAAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DALAM PERSEKITARAN ICT

Proses transformasi perkhidmatan dipertingkatkan melalui penggunaan teknologi ICT sebagai *enabler* untuk memperkasakan prestasi dan kecekapan pengurusan Keselamatan Perlindungan dalam pelbagai aspek termasuk fizikal, dokumen, peribadi dan keselamatan ICT.

Ini dapat dilaksanakan melalui perluasan perkhidmatan Keselamatan Perlindungan berteraskan kehendak pelanggan dan permintaan pemegang taruh. Langkah perkongsian sumber dengan kerjasama strategik komuniti keselamatan dan penyediaan infrastruktur ICT bagi membangunkan sistem Keselamatan Perlindungan elektronik merupakan strategi pemerkasaan yang seiring dengan keperluan teknologi semasa.

STRATEGI

# 01

## Membangunkan sistem dan aplikasi Keselamatan Perlindungan

4 Program



Pelan
Strategik ICT (PSICT)



Sistem
*e-Protective Security*



Portal CGSO




Sistem *e-Vetting*

STRATEGI

# 02

## Memantapkan proses kerja melalui kolaborasi sistem ICT

2 Program



Sistem
Bersepadu e-SPKLTL



Integrasi
Sistem *e-vetting*

## STRATEGI 01 Membangunkan sistem dan aplikasi Keselamatan Perlindungan

| Bil. | Program | Indikator Sasaran (KPI) | Sasaran | | | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2020 | 2021 | 2022 | |
| 1. | Membangunkan Pelan Strategik ICT (PSICT) | Peratus pelaksanaan | 70% | 30% | - | BKP |
| 2. | Membangunkan sistem *e-Protective Security* | Peratus pelaksanaan | - | 50% | 50% | BKP<br>BKICTRR<br>PLKPM<br>BIPP |
| 3. | Menaiktaraf Sistem *e-Vetting* | Peratus pelaksanaan | - | 50% | 50% | BKPs |
| 4. | Menaiktaraf Portal CGSO | Peratus pelaksanaan | 100% | - | - | BKP |

## STRATEGI 02 Memantapkan proses kerja melalui kolaborasi sistem ICT

| Bil. | Program | Indikator Sasaran (KPI) | Sasaran | | | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2020 | 2021 | 2022 | |
| 1. | Kemaskini maklumat SP KLTL dalam Sistem Bersepadu e-SPKLTL | Peratus kemaskini | 100% | 100% | 100% | BSPKLTL |
| 2. | Integrasi sistem *e-vetting 2.0* secara *web services* | Peratus integrasi Sistem Pengurusan Rekod Jenayah (SPRJ) PDRM | 100% | - | - | BKPs |
| | | Peratus integrasi Sistem Pengurusan Profil *Client* MyAADK | - | 100% | - | |
| | | Peratus integrasi Sistem Pengkalan Data Pesalah Rasuah, SPRM | - | - | 100% | |


PELAN STRATEGIK ICT (PSICT)
USERNAME
E-PROTECTIVE SECURITY
PASSWORD
E-VETTING

# TERAS STRATEGIK 4

## Peningkatan Penyampaian Perkhidmatan

Program-program pembangunan kepakaran untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing, kreatif, inovatif dan berkemahiran tinggi dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

Pembangunan organisasi melalui perancangan yang komprehensif dan sistematik merupakan faktor utama dalam menyediakan perkhidmatan yang melangkaui kehendak pelanggan. Peningkatan imej dan profesionalisme juga diperkasakan melalui langkah-langkah strategik untuk mendapatkan pensijilan profesional dan pengiktirafan bidang berkaitan.

Pusat latihan juga akan diperkasakan sebagai pusat kecemerlangan seiring dengan peranan CGSO sebagai peneraju Keselamatan Perlindungan negara.

STRATEGI

# 01 Meningkatkan keupayaan organisasi

8 Program



Kajian Pemantapan Organisasi



Kajian Keperluan Perjawatan Kader CGSO



Kajian Keperluan Pengawal Keselamatan




MS ISO 9001:2015 *(Quality Management System)*




MS ISO 22301:2012 *Business Continuity Management System* (BCMS)



Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)



*Organization Anti-Corruption Plan* (OACP) *dan Corruption Risk Management* (CRM)



Kajian Keseronokan Bekerja

STRATEGI

# 02

## Meningkatkan kompetensi dan kepakaran pegawai

7 Program

*Training Needs Analysis* (TNA)

Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia

Pelan Operasi Latihan (POL)

Kerjasama Akademik

Pensijilan Profesional dan Akreditasi

Kolaborasi Strategik

Penyelidikan dan Pembangunan

STRATEGI

# 03

## Menjadikan PLKPM sebagai pusat kecemerlangan Keselamatan Perlindungan

5 Program

Kluster Pengajian/
Pendidikan

Makmal Keselamatan
Perlindungan

Penilaian
Kepuasan Pelanggan

Penilaian Kualiti
Penceramah

Penyelenggaraan
Komprehensif

STRATEGI 01

## Meningkatkan keupayaan organisasi

| Bil. | Program | Indikator Sasaran (KPI) | Sasaran | | | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2020 | 2021 | 2022 | |
| 1. | Kajian struktur, saiz perjawatan dan fungsi organisasi | Peratus pelaksanaan | 100% | - | - | BKP |
| 2. | Kajian keperluan pengawal keselamatan di agensi kerajaan | Peratus pelaksanaan | 50% | 50% | - | BKFPT |
| 3. | Kajian keperluan perjawatan kader CGSO di agensi kerajaan | Peratus pelaksanaan | 50% | 50% | - | BKFPT |
| 4. | Pensijilan MS ISO 9001:2015 (*Quality Management System)* | Audit penyambungan sijil | 100% | - | 100% | BKP |
| 5. | Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) | Peratus pelaksanaan | - | 100% | - | BKP |
| 6. | Pensijilan MS ISO 22301:2012 *Business Continuity Management System* (BCMS) | Peratus pelaksanaan | 100% | - | - | BKPs<br>BIPP |
| 7. | *Organization Anti-Corruption Plan (OACP)* dan *Corruption Risk Management* (CRM) | Peratus pelaksanaan | 100% | - | - | UI |
| 8. | Kajian keseronokan bekerja | Peratus keseronokan bekerja mencapai tahap 'BAIK' | 80% | 85% | 90% | BKP |



## STRATEGI 02

# Meningkatkan kompetensi dan kepakaran pegawai

| Bil. | Program | Indikator Sasaran (KPI) | Sasaran | | | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2020 | 2021 | 2022 | |
| 1. | Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia | Peratus pelaksanaan | 100% | - | - | BKP |
| 2. | Pembangunan *Training Needs Analysis* (TNA) | Peratus pelaksanaan | 100% | - | - | BKP<br>PLKPM |
| 3. | Pelan Operasi Latihan (POL) | Peratus pelaksanaan | 100% | 100% | 100% | BKP<br>PLKPM |
| 4. | Pensijilan Profesional dan Akreditasi *(Subject Matter Expert)*<br><br>PCIP-*Professional In Critical Infrastructure Protection* (CII Canada)<br><br>CHFI *(Computer Hacking Forensic Investigator)*<br><br>CPP (ASIS) | Bilangan pegawai dalam bidang Pengurusan Keselamatan Maklumat | - | - | 2 | BKP<br>PLKPM |
| | | Bilangan pegawai dalam bidang Penilaian Audit Keselamatan Maklumat | - | - | 2 | |
| | | Bilangan pegawai dalam bidang Pengurusan Forensik Digital | - | - | 2 | |
| | | Bilangan pegawai dalam bidang Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan | - | - | 2 | |
| | | Bilangan pegawai dalam bidang *Professional In Critical Infrastructure Protection* (PCIP) | - | - | 2 | BSPKLTL |
| | | Bilangan pegawai dalam bidang *Physical Protection System* | - | - | 2 | |
| 5. | Peningkatan tahap akademik dengan kerjasama IPTA/ IPTS/ Institut Latihan | Bilangan pegawai memperolehi diploma | 1 | 1 | 1 | BKP<br>PLKPM |
| | | Bilangan pegawai memperolehi ijazah | 2 | - | 2 | |
| | | Bilangan pegawai memperolehi master | - | - | 1 | |
| 6. | Kolaborasi dengan rakan-rakan strategik dalam dan luar negara | Peratus kursus PLKPM yang melibatkan rakan strategik | 20% | 20% | 20% | PLKPM |
| 7. | Penyelidikan dalam bidang Keselamatan Perlindungan | Bilangan penerbitan yang menjadi rujukan | 3 | 6 | 6 | PLKPM |

## STRATEGI 03

## Menjadikan PLKPM sebagai pusat kecemerlangan Keselamatan Perlindungan

| Bil. | Program | Indikator Sasaran (KPI) | Sasaran | | | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2020 | 2021 | 2022 | |
| 1. | Pembangunan kluster pengajian/ pendidikan | Peratus pelaksanaan Kluster Pengurusan Keselamatan Perlindungan | 30% | 70% | - | PLKPM |
| | | Peratus pelaksanaan Kluster Pengurusan Kepimpinan dan Antarabangsa | 30% | 70% | - | |
| | | Peratus pelaksanaan Kluster Penyelidikan dan Pembangunan | 30% | 70% | - | |
| 2. | Makmal Keselamatan Perlindungan | MoU bersama CSM | 100% | - | - | BKICTRR PLKPM |
| | | Modul BKICTRR | 100% | - | - | BKICTRR PLKPM |
| | | Modul BSPKLTL | 100% | - | - | BSPKLTL PLKPM |
| | | Modul BKFPT | 100% | - | - | BKFPT PLKPM |
| | | Kelengkapan makmal | 100% | - | - | BKICTRR |
| 3. | Penilaian kepuasan pelanggan terhadap kemudahan kursus | Peratus kepuasan pelanggan mencapai tahap 'BAIK' | 80% | 85% | 90% | PLKPM |
| 4. | Penilaian kualiti penceramah | Peratus kualiti penceramah mencapai tahap 'BAIK' | 80% | 85% | 90% | PLKPM |
| 5. | Kontrak penyelenggaraan komprehensif | Peratus pelaksanaan | - | 100% | - | PLKPM |

# ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

**Lima(5) elemen utama telah dikenalpasti sebagai penyumbang kepada kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik CGSO 2020-2022 seperti berikut:**

## PENGURUSAN ILMU *(KNOWLEDGE MANAGEMENT)*

Pengetahuan dan kepakaran yang tinggi berkaitan *core business* CGSO serta sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan, boleh dikongsi dan ditambah nilai melalui pengurusan ilmu atau *knowledge management* (KM). KM merupakan satu mekanisme pengurusan di dalam melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan memastikan kesinambungan kepakaran pegawai-pegawai CGSO terus relevan.

## KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN

Pengurusan atasan CGSO perlu memberikan perhatian serius serta menunjukkan komitmen yang tinggi bagi menjayakan pelan strategik ini terutamanya melalui *program espirit de corps.* Komitmen yang tinggi akan memberi impak kepada pencapaian matlamat pelan strategik secara menyeluruh.

## KAPASITI ORGANISASI

Kapasiti organisasi CGSO akan diperkukuhkan agar dapat melaksanakan program dan tindakan baru ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan. Kapasiti ini akan disokong oleh struktur organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugasan secara fleksibel seperti kerja berpasukan, matriks dan berasaskan projek.

## PEMANTAUAN PELAKSANAAN YANG BERKESAN

Pencapaian pelan strategik amat bergantung kepada kaedah pemantauan pelaksanaan yang mantap. Pemantauan hendaklah diadakan secara berkala dan penambahbaikan perlulah dibuat pada setiap peringkat pelaksanaan supaya ia sentiasa berada di landasan yang betul.

## PENILAIAN PELAN STRATEGIK

Penilaian tahap pelaksanaan akan dibuat melalui maklumbalas laporan dan lawatan naziran oleh pihak Urus Setia Ibu Pejabat CGSO. Kajian semula pelan strategik ini perlu diadakan sekurang-kurangnya selepas 6 bulan pelaksanaan untuk menentukan kebolehlaksanaan program dan tindakan serta tahap pencapaian prestasi yang telah ditetapkan. Kajian semula akan mengambilkira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan semasa strategik CGSO. Kajian impak pula perlu dilakukan selepas tempoh pelaksanaan.

# MEKANISME PELAKSANAAN

## MEKANISME PEMANTAUAN PELAKSANAAN

Pelan Strategik CGSO 2020-2022 merupakan perancangan tertinggi jabatan. Berdasarkan kepada program dan tindakan yang ditetapkan, semua Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri hendaklah melaksanakan program dan tindakan yang dirancang mengikut sasaran yang ditetapkan.

## PELAN TINDAKAN STRATEGIK TAHUNAN

Pengarah-pengarah Bahagian hendaklah membangunkan pelan operasi iaitu Pelan Tindakan Strategik Tahunan untuk bahagian masing-masing berdasarkan Pelan Strategik CGSO 2020-2022. Pengarah-Pengarah Negeri pula hendaklah menyediakan Pelan Tindakan Strategik Tahunan negeri masing-masing berdasarkan Pelan Strategik CGSO 2020-2022 dan Pelan Tindakan Strategik Tahunan Bahagian-bahagian. Walau bagaimanapun, negeri-negeri boleh juga menyediakan program dan tindakan lain di peringkat negeri mengikut keperluan dan kesesuaian masing-masing.

## LAPORAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK TAHUNAN

Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri dikehendaki membentangkan Laporan Pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik Tahunan masing-masing dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi atau Mesyuarat Pengarah-pengarah Negeri. Semua pengarah juga perlu mengemukakan laporan tersebut kepada Urus Setia Pelan Strategik di Bahagian Penyelarasan sebelum 10 haribulan pada bulan berikutnya bagi setiap suku tahun.

## KAJIAN PRESTASI PELAN STRATEGIK

Kajian prestasi bertujuan untuk melihat tahap dan prestasi pelaksanaan Pelan Strategik CGSO 2020-2022. Kajian ini hendaklah dibuat pada setiap 6 bulan oleh Urus Setia Pelan Strategik. Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri juga dikehendaki membuat kajian prestasi pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik Tahunan masing-masing pada setiap 6 bulan. Laporan kajian akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi atau Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri.

## KAJIAN SEMULA DAN KAJIAN IMPAK

Untuk menentukan kebolehlaksanaan dan impak pelaksanaan Pelan Strategik CGSO 2020-2022, kajian semula dan kajian impak perlu dibuat sekurang-kurangnya selepas satu tahun pelan strategik ini dilaksanakan. Kajian semula bertujuan untuk melihat kebolehlaksanaan strategi dan program yang dirancang serta membuat penambahbaikan sekiranya perlu bagi diselaraskan dengan senario baru persekitaran dan tumpuan semasa strategik CGSO. Kajian impak pula bertujuan untuk melihat impak pelaksanaan pelan strategik kepada kumpulan sasar yang ditetapkan. Kajian ini akan dilaksanakan oleh Bahagian Penyelarasan, CGSO.

## SELANGKAH KE HADAPAN

**Pelaksanaan Pelan Strategik CGSO 2020-2022 akan menentukan hala tuju strategik CGSO dapat dicapai berdasarkan komitmen semua pihak. Bersesuaian dengan visi, misi dan matlamat perancangan strategik yang ditetapkan, CGSO berupaya menjadi sebuah organisasi yang cemerlang dan disegani.**

Dalam memastikan kecemerlangan CGSO, usaha-usaha memantapkan lagi prestasi pengurusan dan penyampaian perkhidmatan perlu seiring dengan keperluan semasa. Melalui perancangan dan penambahbaikan program, warga CGSO perlu menghayati peranan yang telah ditetapkan serta mengorak langkah untuk bersama-sama melonjakkan prestasi ke tahap yang lebih baik. Kerjasama serta persefahaman dengan pelbagai pihak berkepentingan perlu terus dipertingkatkan supaya fungsi CGSO dapat dilaksanakan dengan cekap dan efisien.

# PENUTUP

**Dalam era globalisasi, kehendak dan ekspektasi pelanggan serta pemegang taruh menjadi semakin sukar (complicated) dan mencabar. Untuk memenuhi jangkaharap tersebut, sesebuah organisasi perlu diurus secara cekap dan berkesan. Pelan strategik adalah satu alat (tools) yang boleh digunakan untuk menguruskan sesebuah organisasi secara cekap, berkesan dan supaya terus relevan dengan senario semasa.**

Justeru, Pelan Strategik CGSO 2020-2022 dibangunkan untuk mengurus program-program pembangunan secara komprehensif bagi tempoh tiga tahun akan datang bermula pada tahun 2020. Ia perlu dijadikan bahan rujukan utama oleh jentera pengurusan dan pelaksanaan jabatan bagi membolehkan segala program pembangunan yang dirancang dapat mencapai sasaran ditetapkan dan memberi impak yang optimum kepada kumpulan sasar.

Selain itu, pelan strategik ini juga dijadikan sebagai dokumen sumber rujukan dan justifikasi bagi permohonan Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan jabatan bagi tempoh tersebut. Bagi meningkatkan keberkesanannya, pelaksanaan pelan strategik ini perlu dipantau secara berkala oleh suatu jawatankuasa khas, dikaji dan dibuat penambahbaikan secara berterusan supaya selari dengan senario perubahan dan keperluan strategik semasa CGSO.


B7




RAHSIA
BESAR

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri,
Aras -1,1 dan 2, Setia Perdana 7,
Kompleks Setia Perdana,
Pusat Pertadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya,
Malaysia.

www.cgso.gov.my